



SIARAN MEDIA

CITRAWARNA 1MALAYSIA 2012

KUALA LUMPUR, 11 MEI 2012 - Seramai lebih kurang 100,000 orang pengunjung yang terdiri daripada para penduduk tempatan dan pelancong asing dijangka akan membanjiri Dataran Merdeka pada 19 Mei ini bagi menyaksikan Citrawarna 1Malaysia 2012.

Bertemakan "Perarakan Pelancongan Terhebat", acara yang berbentuk persembahan kesenian dan perarakan pelancongan ini akan bermula dari pukul 5 petang hingga 12 tengah malam.

Seramai lebih kurang 7,000 orang peserta yang terdiri daripada para pelajar sekolah, penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta, persatuan-persatuan kebudayaan tempatan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan mengambil bahagian dalam perarakan Citrawarna 1Malaysia edisi ke-14 ini yang mula diperkenalkan pada tahun 1999.

Citrawarna 1Malaysia 2012 akan mempersembahkan perarakan kereta berhias, kumpulan pancaragam dan kumpulan kesenian yang akan menggayakan pelbagai kostum dan prop yang menggambarkan segmen-segmen pelancongan yang terdapat di Malaysia. Para pengunjung akan dapat menyaksikan 11 segmen menarik seperti:-

1. Persembahan pembukaan Citrawarna 1Malaysia 2012
2. Alam semula jadi
3. Inap desa
4. Pelancongan Sukan
5. Membeli-belah
6. Pelancongan Seni Kontemporari 1Malaysia
7. Pelancongan Warisan
8. Pelancongan Taman dan Laman
9. Pelancongan Makanan
10. Festival *Malaysia Truly Asia*
11. Persembahan penutupan Citrawarna 1Malaysia 2012

Perarakan pelancongan sepanjang 1.5 kilometer ini bermula dari Jalan Raja menuju ke Jalan Raja Laut dan Jalan Isfahan dan akan berakhir di Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Acara kemuncak ialah persembahan Dikir Barat oleh semua peserta yang terlibat dengan perarakan dan juga para penonton.

Sebanyak 20 buah gerai makanan turut disediakan bagi kemudahan pengunjung untuk menjamu selera.

PENGANGKUTAN

Kemudahan tempat letak kenderaan bagi bas-bas pelancong dan kenderaan-kenderaan persendirian akan disediakan di Padang Merbok, di sepanjang Jalan Parlimen yang berdekatan dengan Dataran Merdeka. Bagi mereka yang ingin menggunakan kenderaan awam, perkhidmatan bas Rapid KL dan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) akan dilanjutkan sehingga tengah malam.

PROGRAM LAWATAN SUAI KENAL MEGA MALAYSIA (MEGA FAM) DAN EUROMEET 2012

Tourism Malaysia akan membawa seramai 293 orang wakil media dan agen pelancongan dari 34 buah negara untuk mengikuti program lawatan suai kenal Mega Malaysia (Mega Fam) dan EUROMEET 2012 sempena Citrawarna 1Malaysia 2012 ini.

Negara-negara tersebut ialah Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Belanda, Brunei, China, Denmark, Finland, Emiriah Arab Bersatu, Filipina, India, Indonesia, Iran, Ireland, Itali, Jepun, Jerman, Kemboja, Kazakhstan, Korea Selatan, Laos, New Zealand, Perancis, Qatar, Rusia, Sepanyol, Sri Lanka, Sweden, Switzerland, Thailand, Turki, United Kingdom, Uzbekistan dan Vietnam.

Di samping itu, seramai lebih kurang 300 pelancong asing dijangka menghadiri acara ini di bawah pakej pelancongan Citrawarna 1Malaysia 2012 yang telah dipromosikan di Afrika Selatan, Brunei, Emiriah Arab Bersatu, Iran, Singapura dan Thailand.

LATAR BELAKANG CITRAWARNA 1MALAYSIA 2012

Citrawarna 1Malaysia 2012 diadakan untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi percutian unggul yang kaya dengan warisan sejarah dan budaya yang pelbagai.

Acara ini juga bertujuan untuk mempromosikan pelbagai acara dan tarikan pelancongan yang terdapat di negara ini melalui persembahan kesenian jalanan yang penuh warna warni.

Penganjuran acara ini juga selari dengan usaha kerajaan yang meletakkan sektor pelancongan sebagai salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan telah menasaskan seramai 36 juta pelancong dengan pendapatan sebanyak RM168 bilion pada tahun 2020.

Untuk maklumat lanjut mengenai acara Citrawarna 1Malaysia 2012, sila hubungi Encik Hussain b. Moh, Ketua Cawangan Pengurusan Acara, Bahagian Pembangunan Industri, Kementerian Pelancongan di 03-8891 7513 / 8891 7000 atau emel hussain@motour.gov.my.

Disediakan oleh: Bahagian Komunikasi dan Publisiti, Tourism Malaysia
Tel: 03-8891 8000 Faks: 03-8891 8788
E-mel: sitirahmah@tourism.gov.my Laman web: www.tourismmalaysia.gov.my
Facebook: <http://www.facebook.com/friendofmalaysia>
Twitter: <http://twitter.com/tourismmalaysia>
Blog: <http://blog.tourism.gov.my>

Ringkasan Pengisian

Masa	Lokasi	Aktiviti
5.00 petang	Pentas di Dataran Merdeka (hadapan tiang bendera)	Persembahan oleh artis-artis tempatan dan kumpulan pancaragam
8.30 malam – 11.0 malam	i. Pentas utama (dihadapan Bangunan Sultan Abdul Samad) ii. Jalan Raja Laut (hadapan UOB Bank) iii. Jalan Tunku Abdul Rahman (hadapan Hotel Nobel)	Majlis pelancaran serta persembahan dan perarakan akan bermula
11.00 malam – 12.00 malam	Pentas utama (dihadapan Bangunan Sultan Abdul Samad)	Persembahan oleh artis-artis tempatan